

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Jimat tugas semua —Dr M

Oleh NAZAR ABDUL

JITRA, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini, menyeru rakyat supaya menyokong tindakan kerajaan berjimat cermat dalam perbelanjaannya bagi menempuh keadaan ekonomi dunia yang merosot sekarang.

"Rakyat patutlah faham tindakan kerajaan ini supaya dapat sama-sama menghadapi keadaan itu dengan tenang dan jaya," katanya ketika berucap di majlis kesyukuran atas kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lalu di Tanah Merah dekat sini, hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata sokongan rakyat amat perlu bagi memastikan negara dapat melalui saat-saat kemelesetan ekonomi dengan selamatnya.

Beliau juga menegaskan tindakan berjimat cermat akan membantu mempercepat pemuliharaan keadaan ekonomi dan rakyat tidak akan menanggung bebanan begitu lama.

Katanya negara terpaksa menempuh keadaan yang merosot berikutan dengan kemelesetan ekonomi dunia hingga barangan keluaran negara ini tidak mendapat pasaran yang baik.

"Perbelanjaan negara kita juga kini melebihi hasil eksport negara menyebabkan perolehan pertukaran asing berkurangan, tambahnya."

Bagaimanapun, menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, kerajaan akan terus membantu rakyat memenuhi kehendak-kehendak pembangunan dengan melaksanakan berbagai projek yang dirancang.

Kerajaan akan berbelanja kurang setakat yang patut untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dalam keadaan sekarang, tambahnya.

Perdana Menteri berkata memandangkan keadaan ekonomi sekarang kerajaan terpaksa menanggung beberapa rancangan besar yang memerlukan

perbelanjaan besar.

"Projek-projek berkenaan tidak dibatalkan cuma dilambatkan pelaksanaannya buat sementara waktu sahaja," tegasnya.

Beliau berharap rakyat akan memahami masalah tersebut dan bersama-sama dengan kerajaan menjayakan tindakan berjimat-cermat sekarang.

Mengenai pembangunan secara umum, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata mengingatkan rakyat betapa pentingnya mereka sendiri berusaha menjayakan sesuatu projek dan tidak bergantung kepada dasar kerajaan semata-mata.

"Orang yang rajin dan berusaha akan memperolehi kehidupan yang lebih baik serta dihormati oleh orang lain," ujarnya.

Beliau meyeru rakyat khususnya Bumiputera melipatgandakan usaha untuk menambah pendapatan masing-masing supaya mereka dapat menikmati keadaan hidup lebih baik serta dapat menunaikan ibadat dengan lebih sempurna.

"Janganlah mengharapkan cara yang mudah untuk mendapatkan kesenangan sebaliknya tekun berusaha bagi menikmati kejayaan," kata Perdana Menteri.

No. Siri ..... 2843  
No. Penerimaan ..... 588/8